



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**KETUA PASUKAN / PERCUBAAN (D.1-2 EB.3)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**KETUA PASUKAN / PERCUBAAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Keutamaan adalah bagi calon Lelaki.
 3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
 4. Mempunyai Pengetahuan Am dalam Kesihatan Awam dan Kesihatan Alam Sekitar adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Calon yang dilantik akan ditempatkan bertugas di bahagian-bahagian dan unit-unit dalam Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar termasuk Pejabat Kesihatan Daerah;
2. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian / Unit atau Pegawai yang lebih kanan;
3. Menjalankan tugas-tugas bantuan teknikal dalam aspek-aspek Kesihatan Awam dan Kesihatan Alam Sekitar di Bahagian;
 - i. Kesihatan Alam Sekitar
 - ii. Kawalan Penyakit
 - iii. Kesihatan Cara Kerja;



4. Mengetuai dan mengawasi satu pasukan kakitangan Pemungut Serangga, Tukang Pancut dan Tukang Mengambil Darah;
5. Membawa pekerja-pekerja bawahan ke tempat-tempat pemantauan dan pengawalan seperti yang diarahkan;
6. Bersedia bertugas di kawasan luar bandar termasuklah bekhemah dan bermalam di kampong-kampong pendalaman apabila terlibat dalam program / projek pemantauan dan kajian aktiviti kesihatan alam sekitar yang dikendalikan oleh jabatan; dan
7. Melaksanakan tugas yang diarahkan oleh Ketua Unit atau Pegawai atasan dari semasa ke semasa.